

LINDUNGI PREMIS URUT DI IBU KOTA

Ketua balai, dua polis kena tahan SPRM

B / H / K / R / A / N 20 / 3 / 19

➔ JIPS Bukit
Aman diarah
jalankan
siasatan
dalam

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
dan **Fazrik Kamarudin**
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun mengesahkan penahanan seorang pegawai serta dua anggota oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di ibu negara, kelmarin.

Mohamad Fuzi berkata, arahan juga sudah dikeluarkan kepada Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman untuk menjalankan siasatan dalam menghubungkan perkara itu.

Katanya, bagaimanapun siasatan kes itu akan dijalankan oleh



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]

Antara 14 individu yang ditahan SPRM direman bagi membantu siasatan dipercayai melindungi dan menerima wang sogokan daripada pemilik pusat urut di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

pihak SPRM.
"Yang ditahan adalah ketua balai dan dua anggota di Kuala Lumpur, tetapi saya tidak boleh cakaplah balai mana.

Ambil tindakan tegas
"Dalam usaha untuk memerangi judi dan maksiat beberapa arahan khusus diberikan kepada Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah. Jadi sekiranya ada pegawai atau anggota kita terbabit, kita akan ambil tindakan," katanya.

Mohamad Fuzi berkata demikian kepada pemberita selepas hadir menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Koperasi Polis Diraja Malaysia dengan Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Ber-

sara Malaysia (RESPA) dan Peratuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKIM) di Bukit Aman, di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan seorang ketua balai polis antara 16 individu ditahan SPRM kerana disyaki menerima wang sogokan untuk melindungi premis urut di sekitar ibu kota.

Di Putrajaya, 14 individu termasuk tujuh penjawat awam diarahkan untuk ditahan dan lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan.

Terima wang perlindungan
minimum RM1,000
Tujuh penjawat awam yang terdiri daripada tiga polis termasuk seorang ketua balai polis, tiga anggota

pengatuksua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan seorang pegawai bomba direman empat hari. Selain itu, daripada tujuh individu orang awam, tiga direman iaitu pemilik rumah urut direman lima hari.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Ahmad Asyraf Mohammad Kamal di Mahkamah Majistret di sini.

Sumber berkata suspek dipercayai menerima bayaran minimum RM1,000 setiap bulan sebagai wang perlindungan.
Kes disiasat mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.